

PBB kecam kekerasan di Myanmar, uskup memohon doa untuk perdamaian



Pelarian Myanmar berlindung di pusat pelarian dekat sempadan Thailand. Gambar: Ucanews.

YANGON: Ketika Pejabat Asasi Manusia (HAM) PBB mengecam penggunaan serangan udara yang meningkat dan tembakan artileri untuk melakukan pembunuhan besar-besaran di Myanmar, seorang uskup Katolik meminta umat Katolik untuk mendedikasikan bulan Oktober sebagai bulan berdoa bagi perdamaian.

“Setiap hari, masyarakat Myanmar mengalami serangan yang mengerikan, hak asasi mereka dicerooh setiap hari dan hancurnya kehidupan serta harapan mereka,” kata Volker Turk, Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Hak Asasi Manusia, memberitahu Majlis Hak Asasi Manusia pada September 26.

Volker menyebut keganasan itu sebagai “ketidakperikemanusiaan dalam bentuk yang

paling keji” dan tiga taktik ketenteraan khusus telah dijalankan secara sistematik terhadap penduduk awam iaitu serangan udara, pembunuhan besar-besaran, dan pembakaran kampung.

Junta Myanmar telah melakukan 687 serangan udara, dalam tempoh 14 bulan selepas rampasan kuasa tentera Februari 2021.

Volker berkata pejabatnya juga telah mendokumentasikan 22 kejadian pembunuhan beramai-ramai di beberapa perkampungan yang mengorbankan kira-kira 150 orang pada bulan April lalu dan pengeboman udara di Kachin, pada Oktober tahun lalu.

Uskup Loikow, Msgr Celso Ba Shwe meminta umat Katolik untuk berdoa rosari

sepanjang bulan Oktober demi perdamaian di Myanmar dan wilayah Kayah, iaitu salah satu paroki bernaung di keuskupan itu.

Kayah menjadi salah satu pusat konflik ketika junta cuba menumpaskan gabungan kelompok etnik dan Pasukan Pertahanan Rakyat (PDF) yang baharu dibentuk.

Akibat pertempuran itu, puluhan gereja terkena serangan udara dan penembakan menyebabkan para paderi, religius dan umat awam di 16 paroki di Keuskupan Loikaw meninggalkan rumah mereka.

Terdapat hampir 250,000 pelarian berada di 200 km di wilayah Kayah. Manakala hampir 9,000 orang lain melarikan diri ke Thailand sejak Jun lalu. — ucanews.com

Laudate Deum,

dokumen ekologi kedua Sri Paus

TAKHTA SUCI: Dokumen baharu Sri Paus Fransiskus mengenai alam ciptaan diterbitkan pada Oktober 4, bertajuk *Laudate Deum*. Sri Paus Fransiskus berkata tajuk dokumen baharunya itu, *Laudate Deum* (Puji Tuhan) adalah sahutan yang kerap muncul dalam beberapa Mazmur, terutama Mazmur 148, yang memberitahu langit, malaikat serta matahari dan bulan untuk memuji Tuhan. *Laudate Deum* adalah susulan kepada ensiklik 2015 Bapa Suci, “*Laudato Si*”, Memelihara Bumi sebagai rumah kita bersama.”

Perkara ini disampaikan oleh prelatus itu pada September 21, semasa berucap kepada kira-kira 200 peserta dalam perhimpunan para rektor universiti awam dan swasta Amerika Latin dan Caribbean, bertema “Mengatur Harapan”.

Dalam pertemuan itu, Sri Paus merenung pelbagai isu yang dibangkitkan oleh para pendidik, termasuk perubahan iklim, migrasi, dan budaya pembaziran.

Bapa Suci menggesa mereka untuk menjadi kreatif dalam mendidik anak muda realiti dan cabaran masa kini. Prelatus itu juga menekankan “budaya buang atau budaya membazir” yang menyedihkan.

Katanya, “contohnya budaya salah guna sumber asli yang menyebabkan alam semula jadi merosot begitu memudaratkan. Masalah besar ialah kesan daripada kemerosotan alam sekitar iaitu kemusnahan: Kemusnahan

keadaan hidup, kemusnahan nilai-nilai yang mewajarkan keadaan hidup ini, dengan segelintir orang percaya bahawa mereka berhak untuk mengeksploitasi sumber semula jadi dan mengabaikan sepenuhnya kesan ke atas orang miskin dan masyarakat peribumi.”

Industri pengekstrakan sebagai contoh, menyumbangkan sekitar setengah pengeluaran gas rumah kaca global dan menyebabkan lebih dari 90 peratus kehilangan keanekaragaman hayati dan tekanan air.

Tetapi ia bukan sekadar “model ekstraktivis geologi” malah segelintir pihak menganggap mereka mempunyai hak untuk mengeluarkan apa sahaja yang mereka temui di dalam tanah di mana maruah penduduk tempatan tidak dihormati dan menjadi mangsa.

Bapa Suci juga kesal dengan apa yang dipanggilnya sebagai budaya buang kerana kurangnya pendidikan menggunakan barang-

barang yang tersisa, dan memanfaatkan atau mengguna ulang agar dapat digunakan secara umum.

Sri Paus Fransiskus mendesak betapa pentingnya untuk kembali kepada penggunaan alam semula jadi yang sepatutnya.

“Bagaimana kita menggunakan alam semula jadi soalnya?” Mungkin kata-kata ini kedengaran aneh: dialog dengan alam semula jadi!

Pada akhir pertemuan, Sri Paus Fransiskus mengingatkan bahawa tugas universiti bukan hanya untuk mengajar sesuatu sebaliknya mereka harus melatih lelaki dan wanita dalam tiga bahasa manusia, iaitu bahasa minda, bahasa hati dan bahasa tangan — agar mereka belajar untuk berfikir apa yang mereka rasa dan apa yang mereka lakukan, serta melakukan apa yang mereka rasa dan fikirkan.” — *media Vatikan*

Berserah kepada Tuhan

Mungkin kita boleh meringkaskan jemputan Yesus dalam satu perkataan, menyerah diri. Kita perlu berserah kepada cinta.

Tetapi mengapa itu sukar dilakukan? Bukankah ia sepatutnya menjadi perkara yang paling semula jadi di dunia? Bukankah keinginan kita yang paling dalam adalah kerinduan untuk mencari cinta dan menyerah kepada-Nya?

Benar, kerinduan kita yang paling dalam adalah untuk menyerah kepada cinta, tetapi kita mempunyai beberapa rintangan semula jadi besar untuk kita menyerahkan diri.

Berikut adalah beberapa contoh: Pada Perjamuan Terakhir dalam Injil Yohanes apabila Yesus cuba membasuh kaki Petrus, dia mendapat tentangan keras daripada Petrus - *Jangan sekali-kali! Saya tidak akan membenarkan awak membasuh kaki saya!*

Ironinya di sini ialah, mungkin lebih daripada segala-galanya, Petrus sangat merindukan keintiman seperti itu dengan Yesus. Namun, apabila Yesus mahu mencuci kakinya, dia menolak.

Contoh lain boleh dilihat dalam perjuangan Henri Nouwen. Nouwen, salah seorang penulis rohani yang paling berbakat dalam generasi kita dan menikmati populariti yang besar.

Beliau menerbitkan lebih daripada 50 buah buku serta merupakan seorang profesor yang sangat dicari (bertugas di Harvard dan Yale), menerima

jemputan setiap hari untuk memberi ceramah dan syarahan di seluruh dunia, dan mempunyai ramai kawan rapat.

Namun, di dalam semua populariti dan sanjungan itu, dikelilingi oleh ramai kawan yang menyayangnya, dia tidak dapat membiarkan cinta itu memberinya rasa sebenar untuk disayangi atau menyayangi.


Sebaliknya, sepanjang hidupnya dia bekerja dengan kebimbangan yang mendalam, yang menyebabkan dia percaya bahawa dia tidak disayangi. Kadang-kadang ini menyebabkan dia mengalami kemurungan klinikal.

Oleh itu, meskipun kebanyakan kehidupan dewasanya dikelilingi oleh begitu banyak kasih sayang, dia tetap dihantui perasaan bahawa dia tidak disayangi, dan tidak layak untuk disayangi.

Lebih-lebih lagi, dia adalah seorang yang sangat sensitif dan bergelut dengan dirinya sendiri bahawa dia mahu menerima kasih sayang itu tetapi ada keraguan serta kebimbangan. Apa yang menghalangnya?

Dia mengatakan, dia lumpuh oleh luka yang dalam yang tidak diketahui dengan jelas dan begitu kuat mencengkam dirinya sehingga dia sukar melepaskan diri dari cengkaman itu. Inilah yang berlaku pada dirinya ketika dia meniti kehidupan dewasa.

Akhirnya, dia dapat membebaskan dirinya dari luka yang mendalam dan membuka hatinya



serta menyerah kepada cinta. Walau bagaimanapun, untuk membuka hati dan berserah itu, dia terlebih dahulu mengalami pengalaman kematian yang traumatik.

Ketika itu, dia berdiri terlalu dekat dengan lebuh raya di perhentian bas pada suatu pagi. Cermin pada van yang melintas telah melanggarnya dan membuatkan dia jatuh teruk. Dikejarkan ke hospital, selama beberapa jam dia berlegar antara hidup dan mati.

Semasa dalam keadaan itu, dia mempunyai pengalaman yang sangat mendalam tentang kasih Tuhan kepadanya.

Setelah sembuh, dia kembali kepada kehidupan normal, sebagai seorang lelaki yang sangat berubah. Sekarang, selepas mengalami kasih Tuhan, dia akhirnya boleh juga menyerah kepa-

da cinta manusia berbanding sebelum pengalaman "kematian"nya. Semua bukunya yang seterusnya diwarnai dengan perubahan ini. Mengapa kita melawan cinta?

Mengapa kita tidak dapat menyerah dengan lebih mudah?

Sebabnya adalah unik bagi setiap daripada kita. Kadang-kadang kita berhadapan dengan luka yang mendalam sehingga kita merasa tidak disayangi. Tetapi kadangkala kita sukar membuka hati menerima kasih Tuhan dan sesama kerana secara tidak sedar, kita menolak cinta yang kita cari dengan susah payah.

Kadang-kadang, seperti Yakub dalam Alkitab, kita tidak sedar bergelut dengan Tuhan (yang adalah Cinta) dan akibatnya melawan cinta secara tidak sedar.

Dalam kisah Alkitab di mana Yakub bergelut sepanjang malam dengan seorang lelaki, kita melihat bahawa Yakub tidak tahu bahawa dia sedang bergelut dengan Tuhan dan dengan cinta. Dalam fikirannya, dia sedang bergelut dengan musuh yang perlu dia takluki.

Akhirnya, apabila kegelapan malam itu beransur-ansur diterangi banyak cahaya dan dia melihat dengan siapa dia bergelut — dan ia adalah satu kejutan dan kesedaran kepadanya. Dia sedar dia sedang melawan cinta itu sendiri.

Dengan kesedaran itu, dia menyerah berjuang dan berpegang teguh pada kekuatan

yang dia telah perjuangkan sebelum ini, dengan rayuan: "Saya tidak akan melepaskan engkau, sehingga engkau memberkati saya!" Inilah pelajaran terakhir yang perlu kita pelajari dalam cinta:

Kita bergelut untuk cinta dengan setiap bakat, kelicikan, dan kekuatan dalam diri kita.

Akhirnya, jika kita bernasib baik, kita mempunyai kebangkitan.

Dengan sedikit cahaya meskipun selalunya ada kekalahan yang melumpuhkan ia menunjukkan kepada kita, apa sebenar wajah pergelutan kita dan setelah itu, kita akan menyedari bahawa ia bukanlah sesuatu yang perlu ditakluki, tetapi ia adalah cinta yang telah lama kita rindukan.

Bagi kebanyakan daripada kita, ini akan menjadi kebangkitan yang hebat dalam hidup kita, kebangkitan kepada hakikat bahawa dalam semua cita-cita dan rancangan kita untuk menunjukkan kepada dunia betapa berbaloi dan betapa kita, yang pada mulanya, secara tidak sedar kita melawan cinta itu dan akhirnya mahu menyerah.

Dan, biasanya, seperti Yakub dalam kisah alkitabiah, dia 'kalah' dan 'dikalahkan' barulah dia ke tahap seterusnya iaitu kesedaran serta melihat siapa lawannya yang sebenarnya.

Ini adalah penyerahan, bukan peletakan jawatan, atau apabila kita berserah, ia bukan kerana kita kalah. — **Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser**

Kikis ego sebelum terlambat

Ego menurut Ryan Holiday, seorang penulis Amerika dalam bukunya *Ego is the Enemy*, merujuk kepada kepercayaan diri yang tidak sihat iaitu melihat dirinya lebih hebat, penting, dan superior dari yang lain.

Ego ibarat suara yang berbisik dengan halus yang berkata, "Engkau lebih baik daripada orang lain, kepentinganmu lebih bererti daripada yang lain, dirimu lebih istimewa sehingga engkau layak menerima pengakuan dari orang lain."

Ego membuat orang merasa ditakdirkan untuk sebuah kejayaan dan kesuksesan. Sayangnya, ketidakmampuan menjinakkan ego justeru menuntun orang pada kegagalan. Sebab, ego membuat orang tidak tahu diri.

Dan, akhirnya, ia menyebabkan kejatuhan. Ego tidak hanya melanda orang-orang moden tetapi juga orang zaman dahulu.

Petikan nubuat Yesaya serta perumpamaan Yesus tentang para penggarap atau penyewa kebun anggur menyinggung di mana akibat ego, mereka memukul malah membunuh

utusan Tuhan dan akhirnya, bagaimana Ego dapat menjerumuskan umat Tuhan kepada kehancuran

Dalam nubuatnya, Yesaya mengungkapkan betapa kecewanya Tuhan dengan umat Israel, yang diibaratkan-Nya sebagai kebun anggur.

Tuhan telah memilih mereka dari bangsa-bangsa lain. Mereka juga telah dibina, dipupuk, dan dididik secara khusus melalui pelbagai cara istimewa.

Harapan Tuhan, mereka akan menjadi sebuah umat yang dapat memberi teladan baik bagi bangsa lain.

Tetapi apa yang terjadi? Mengecewakan. "Aku menanti supaya ia menghasilkan buah anggur yang baik, mengapa yang dihasilkan hanya buah anggur yang masam?"

Umat Israel lebih cenderung untuk mengikut ego mereka dan sibuk dengan kepentingannya sendiri.

Kerana itu, Tuhan ingin merombak, mengubah dan membangun lagi kebun anggur-Nya, dengan menghancurkannya terlebih dahulu. (Nubuat ini terpenuhi dengan kehancuran Yerusalem dan

Yehuda pada 586 SM).

Berbeza dengan nubuat Yesaya, perumpamaan Yesus dalam Injil Matius tidak berfokus pada kebun anggur, tetapi pada mentaliti para penyewa kebun anggur.

Para penyewa kebun anggur ini telah diberi mandat oleh Tuhan untuk memimpin dan membimbing umat-Nya. Mereka adalah para raja, imam, dan tua-tua.

Sebenarnya, perumpamaan ini merupakan sindiran halus terhadap sikap para pemimpin bangsa Israel dari dulu sampai pada zaman Yesus, yang tidak mahu mendengarkan nasihat Tuhan melalui utusannya, iaitu para nabi.

Ketika tuan tanah (merujuk kepada Tuhan sendiri) meminta pertanggungjawaban atas tugas yang dipercayakan melalui hamba atau utusan-Nya, termasuk anak-Nya sendiri (Yesus), mereka memperlakukan para utusan dan anak-Nya secara tidak manusiawi.

Perumpamaan ini secara tidak langsung merupakan kecaman terhadap mentaliti para pemimpin yang hanya memikirkan egonya (cita-cita,

HARI MINGGU BIASA KE-27 TAHUN A

YESAYA 5: 1-7

FILIPPI 4:6-9

INJIL MATIUS 21: 33-43

kepentingan, dan keserakahan) daripada kehendak dan kepentingan Tuhan serta umat yang dipercayakan kepada mereka.

Akibatnya, Tuhan akan membinasakan mereka kerana mereka begitu ego, tidak mahu bertanggungjawab malah membunuh serta bercita-cita untuk mengambil alih kebun anggur itu.

Tidak hanya di tengah umat Israel dahulu tetapi juga dalam kehidupan menggereja, mentaliti para penggarap kebun anggur itu tampaknya masih tetap merupakan ancaman kronik.

Mereka yang diberi mandat untuk mengurus 'kebum anggur' Tuhan (Gereja), sama ada klerus mahupun awam, dari tingkat kepausan sampai tingkat lingkungan, melak-

sanakan tugasnya di bawah bayang-bayang godaan ego.

Bukan untuk setia dalam menjalankan tugas dan memperjuangkan kehendak dan kepentingan Tuhan, sebaliknya setelah membunuh seorang demi seorang utusan Tuhan. Ego mereka semakin besar sehingga akhirnya membunuh anak tuan kebun anggur.

Jika ego tidak mampu disingkirkan dalam diri para penggarap 'kebum anggur' ini, tanpa menunggu, Tuhan sendiri yang menghukum.

Akibat ego, Gereja juga akan lumpuh dan tidak menghasilkan hasil seperti yang diharapkan Tuhan.

Akhirnya, sebuah pertanyaan bagi kita, mana yang kita akan dipilih: Tuhan atau Ego? — **Fr Albertus Purnomo, OFM.**

Caritas Keuskupan Keningau anjur bengkel isu-isu kesihatan

KUALA PENYU: “Memahami isu-isu kesihatan semasa adalah penting bagi Caritas Keningau dalam merancang dan melaksanakan program-program kesihatan yang tepat berdasarkan keperluan masyarakat” demikian kata Pn. Patricia Bai, Pengarah Caritas Keuskupan semasa menghadiri Bengkel Memahami Isu-Isu Kesihatan Di Dalam Masyarakat anjuran Biro Pemakanan dan Kesihatan Caritas Keningau.

Bengkel ini telah diadakan pada September 16 di Rumah Retret Keuskupan Keningau Purun, Kuala Penyu.

Seramai 65 orang anggota Caritas Paroki dari seluruh Keuskupan Keningau telah menghadiri bengkel ini yang disampaikan oleh Datuk Dr. Christina Rundi, bekas Pengarah Kementerian Kesihatan negeri Sabah bersama dengan tim beliau.

Sebanyak tujuh sesi ceramah telah disampaikan iaitu ceramah mengenai Kesihatan Pergigian yang disampaikan oleh Dr. Johnathon Lin, ceramah Pemakanan oleh pegawai pemakanan Cik Ariannie Charles, Ceramah Kesihatan Remaja Hamil oleh Matron Mariana Chin, ceramah penyakit berjangkit oleh pegawai inspektor kesihatan Pn Ester Barnad, ceramah Kesihatan Mental yang disampaikan oleh Dr. Arthur Tendahal, ceramah Penjagaan Kesihatan semasa Bencana oleh Dr. Jenifer John dan peranan masyarakat menangani kesihatan awam oleh Datuk Dr. Christina Rundi.

Bengkel yang berlangsung selama setengah hari ini membawa peserta menyedari



Caritas Malaysia dan Keuskupan Keningau anjur Bengkel Memahami Isu-isu kesihatan di Purun, Kuala Penyu, September 16 lalu.

kepentingan penjagaan kesihatan, serta sentiasa berwaspada dan sentiasa bersedia berhadapan bencana.

“Masyarakat dan orang awam tidak boleh meletakkan tanggungjawab sepenuhnya pencegahan dan pengawalan penyakit kepada pihak jabatan kesihatan sahaja. Semua pihak perlu memainkan peranan” kata Dr Jenifer didalam sesi ceramahnya.

Dalam sesinya, Dr. Arthur berkata “Kes pesakit mental di negeri Sabah merupakan antara yang tertinggi di Malaysia. Mengapa Sabah mempunyai bilangan kes kesihatan mental yang tinggi? Apa kesannya kepada kehidupan dan masyarakat? Kita harus bertanya soalan-soalan ini seperti ini untuk mengenal apa itu kesihatan mental, bagaimana mengawal, mencegah dan membantu mereka yang menghadapi penyakit ini.”

Datuk Dr. Christina Rundi pula berkata “Pemimpin perlu menyediakan keperluan asas terutama keperluan seperti jalan raya, barulah kemajuan masyarakat akan berkembang. Dengan wujudnya kemudahan awam, perkhidmatan kesihatan tidak lagi perlu melalui kesukaran melawat pesakit khususnya di kawasan terpencil. Sekurang-kurangnya perbaiki jalan raya atau bina jambatan bagi kampung-kampung yang terletak di pedalaman.”

Fr. Fabian Dicom, Pengarah Caritas Malaysia yang turut hadir menyertai program bengkel tersebut berkata “Caritas Keuskupan Keningau telah setapak maju dengan menganjurkan program seperti ini.

Saya merasa bersyukur kerana Caritas Keuskupan Keningau dapat melaksanakan dengan baik tugas dan tanggungjawab mereka.”

Paderi Penasihat Rohani Caritas Keuskupan Keningau, Fr. Wilfred James di dalam ucapannya berkata “Saya berharap agar semua pengetahuan yang diperolehi melalui bengkel ini dapat dikongsikan oleh ahli-ahli Caritas Paroki apabila mereka kembali ke tempat masing-masing agar kesedaran mengenai kesihatan bukan sahaja menjadi milik anggota Caritas Keningau tetapi menjadi kesedaran semua orang.

Fr Wilfred turut menyeru ahli-ahli Caritas Paroki agar merancang dan berusaha untuk melebarkan jaringan dengan semua pihak untuk memberi pelayanan terbaik melalui Caritas.”

Program pada hari tersebut diakhiri dengan penyampaian surat penghargaan kepada semua penceramah dan juga pemberian sijil penyertaan kepada semua peserta. — *Caritas*

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Apakah dosa ibu bapa boleh diwarisi anak?

Soalan: Apa yang dimaksud dosa turunan? Apakah dosa besar daripada ibu bapa kita akan menghalangi kehidupan anak-anaknya untuk meraih hidup yang bahagia?

Jawaban: Pertama, Dalam ajaran Gereja Katolik tidak digunakan istilah dosa turunan, melainkan dosa asal. Kata “asal” merujuk kepada dosa pertama manusia sesudah Tuhan menciptakannya, iaitu manusia tidak mematuhi perintah Tuhan dan mendahulukan diri sendiri daripada Tuhan (bdk. KGK 397-398).

Dosa pertama itu mengakibatkan membawa malapetaka, merosakkan keselarasan dan diri manusia sendiri, serta melahirkan dosa-dosa lain yang membanjiri dunia (bdk. KGK 399-401).

Keadaan berdosa ini mengena kepada semua manusia (Rm 5:19), dan membawa serta penderitaan, kecondongan kepada yang jahat, dengan kematian sebagai puncak.

Keadaan berdosa inilah yang disebut sebagai dosa asal, dan diturunkan kepada seluruh umat manusia melalui kudrat manusia (bdk. KGK 402-404).

Kedua, agar dapat mengerti secara benar, perlu diteliti bahawa hal-hal yang diturunkan dari dosa asal itu. Meskipun mengena setiap manusia, perbuatan dosa pertama dan hukuman dosa tidak ditanggungkan kepada manusia lain sebagai “kesalahan peribadi”.

Jadi, kata “dosa” dalam istilah dosa asal, difahami secara analogi, iaitu sebagai keadaan

dosa dan bukan sebagai perbuatan dosa.

Yang diturunkan akibat-akibat dosa, iaitu kelemahan fikiran, kesengsaraan dan kekurangan maut, serta kecondongan kepada dosa. Kecondongan kepada yang jahat ini dinamakan *concupiscentia*. Akibat-akibat dosa ini mengharuskan manusia berjuang secara rohani (KGK 405).

Ketiga, dalam pengertian tersebut itulah kita harus mengerti Kel 20:5, “Aku, Tuhan ... adalah Tuhan yang cemburu, yang membalaskan kesalahan bapa kepada anak-anaknya, kepada keturunan yang ketiga dan keempat dari orang-orang yang membenci Aku” (bdk. Kel 34:6-7; Bil 14:17-18).

Yang diwariskan di sini bukanlah dosa peribadi, tetapi keadaan berdosa atau akibat-akibat dosa. Dosa dan hukuman dosa adalah tanggungjawab masing-masing.

Hal ini ditegaskan para nabi. Kepada bangsa Israel yang dibuang ke Babel, Nabi Yehezkiel menjelaskan bahawa situasi malang mereka bukanlah warisan dosa leluhur, tetapi kerana kesalahan mereka.

Setiap orang harus bertanggung jawab atas perbuatan sendiri. “Pada waktu itu orang tidak akan berkata lagi: Ayah-ayah makan buah mentah, dan gigi anak-anaknya menjadi ngilu, melainkan: setiap orang akan mati kerana kesalahannya sendiri; setiap manusia yang makan buah mentah, giginya sendiri menjadi ngilu” (Yer 31:29-30; bdk. 18:20).

Yesus juga menolak gagasan bahawa dosa

orang tua ditanggung atau diperturunkan kepada anaknya. Ajaran Yesus ini ditegaskan ketika menjawab pertanyaan para murid tentang orang yang buta sejak lahir. “Bukan dia dan bukan juga orang tuanya, tetapi kerana pekerjaan-pekerjaan Tuhan harus dinyatakan di dalam dia” (Yoh 9:3).

Keempat, meskipun setiap perbuatan dosa adalah tanggung jawab peribadi setiap orang yang memiliki kehendak bebas, namun tetap perlu dicermati adanya, dalam diri setiap orang, pewarisan kelemahan fikiran dan kecondongan kepada yang jahat (*concupiscentia*).

Secara ilmiah, sudah diakui bahawa orang tua mewariskan kepada anaknya ciri-ciri perawakan fizikal, kecenderungan kepada penyakit, dan kecondongan tertentu dalam karakter. Tetapi, dengan kehendak bebas dan dibantu lingkungan, anak-anak dapat menjaga dan menghindarkan diri dari penyakit dan kecondongan karakter yang dimiliki orang tuanya, sehingga menjadi sihat dan membentuk peribadi ideal.

Jika dengan kehendak bebasnya, anak mengikuti kecenderungan kepada yang jahat, maka dosa itu adalah tanggung jawab peribadinya. Aspek “peribadi” inilah yang seringkali diabaikan.

Ketika orang melemparkan tanggung jawab atas keadaan buruk yang dialami dengan “mengkambinghitamkan” dosa leluhur sebagai penyebab kemalangan.— *Fr Petrus Maria Handoko CM, hidupkatolik.com*

Sahabat kecil Yesus

Mari membaca petikan Injil di bawah dan sambil membongkar kod rahsia.



Adalah seorang tuan tanah membuka _____ (†††). Kemudian dia menyewakan kebun itu kepada (PPP) lalu berangkat ke negeri lain.



Ketika hampir tiba musim petik, tuan tanah menyuruh.....nya (***) untuk mengambil hasil daripada (PPP) kebun anggur.




Tetapi (PPP) itu menangkap hamba-hamba itu, memukul dan membunuh dan melempari batu.



Akhirnya tuan punya kebun anggur menyuruh (PPP) kerana berharap penyewa-penyewa itu akan menghormati warisnya.

Tetapi penyewa-penyewa itu juga membunuh dia.



YESUS BERSABDA: (***) akan diambil dari padamu dan akan diberikan kepada suatu bangsa yang akan menghasilkan buah Kerajaan itu.



Penyewa-penyewa = PPP
Hamba = ***
anaknya (PPP)

Kerajaan Tuhan = ***
Kebun anggur = †††



Isikan tempat kosong.

Kasihilah _____ dan _____ bagi mereka yang _____ kamu. _____ dengan demikianlah kamu menjadi _____ Bapamu yang di _____
(Mat 5: 44)

kerana

anak-anak

syurga

menganiaya

musuhmu

berdoa

Hello adik-adik,

Injil pada hari Minggu biasa ke27 ini mengisahkan perumpamaan tentang penyewa ladang anggur yang kejam.

Perumpamaan ini sebenarnya menggambarkan tentang Tuhan yang setia menjaga dan melindungi para pemimpin agama.

Tetapi apabila Tuhan mengutus nabi-nabi-Nya, para nabi itu selalu dilayan kasar malah tidak dipedulikan. Apabila Tuhan mengutus putera tunggal-Nya, Yesus, untuk membangun kerajaan Tuhan

di bumi, Dia juga dilayan dengan kasar, tidak diterima malah dibunuh!

Adik-adik, semoga kita menjauhi sikap seperti penyewa ladang anggur yang kejam, tamak dan membunuh!

Sentiasalah membaca dan mendengar Firman Tuhan serta membuka hati kita untuk dipimpin oleh Roh Kudus agar kita menjadi pekerja ladang anggur yang menghasilkan buah-buah yang baik, manis dan harum!

Salam sayang
Antie Melly

CARI LAPAN PERBEZAAN PADA GAMBAR INI.

MARILAH KITA SALING MENGASIHI, SEBAB KASIH ITU BERASAL DARI TUHAN ...
(1 YOHANES 4:21)



BELIA MILENIUM

Kaum muda teroka pengalaman baharu dalam kursus Alpha

SARIKEI, Sarawak: Seramai 23 orang belia dari Paroki St Anthony di sini menjalankan Kursus Alpha Belia dalam Bahasa Malaysia baru-baru ini di House of Emmaus di Gereja St Anthony.

Retret yang julung kali diadakan itu adalah untuk persediaan mereka menjadi fasilitator dan pelayan apabila menganjurkan program Alpha Belia nanti.

Peserta retret itu dibimbing oleh pasukan pendukung Alpha Belia Konteks Katolik dalam Bahasa Malaysia dari Keuskupan Agung Kuching yang disertai Fr Galvin Richard Ngumbang selaku Pengerusi Komisi bagi Misi dan Pembangunan Insan Keuskupan Agung Kuching.

Semasa sesi pengenalan kepada Alpha, para peserta dimaklumkan bahawa mereka harus bertindak seperti tuan rumah atau ketua keluarga dan pelayan kepada ahli keluarga mereka, iaitu ahli kumpulan masing-masing.

Antara sesi yang dijalankan semasa program tersebut adalah ceramah langsung dan ceramah menggunakan video Alpha Youth Film Series dan sesi perkongsian dalam kumpulan.

Selain Misa Kudus harian, peserta Alpha Belia turut melakukan Sakramen Pen-



Kursus Alpha membantu belia membangun dan memantapkan iman.

gakuan sebagai persiapan menerima kuasa Roh Kudus.

Mereka seterusnya berdoa kelompok atau ministring iaitu berdoa dan mendoakan rakan-rakan dalam kumpulan masing-masing.

Terdapat juga pelbagai aktiviti selingan seperti nyanyian pujian dengan aksi serta permainan.

Berikut merupakan sebahagian testimoni daripada peserta retret Alpha Be-

lia Sarikei:

“Banyak persoalan dan keraguan terjawab melalui pengalaman yang menyeronokkan ini. Ia juga memberi impak yang baik kepada diri saya.” – Farrel Francis Jugah.

“Alpha memberi pengalaman baharu dan membuatkan saya lebih mengenali Yesus. Semasa sesi ministring, saya berasa jiwa saya tenang ketika didoakan dan

cara ini meningkatkan keyakinan diri saya untuk mendoakan orang lain.” – Veronica Dina.

“Program Alpha Belia ini membantu saya meneroka pengalaman atau kebolehan sebagai seorang belia Katolik seperti mengajar kita untuk saling mendoakan sesama,” ujar salah seorang peserta yang hanya mahu dikenali sebagai Priscilla. — *Today's Catholic*



Para peserta Kem Alkitab sedang berbicara tentang Kitab Suci.

PALEMBANG, Indonesia: Remaja Katolik (Remaka) dan Orang Muda Katolik (OMK) Paroki Santo Yoseph Palembang selalu mengadakan pendalaman Kitab Suci selama 24 jam melalui Kem Alkitab pada bulan September.

Bulan September merupakan Bulan Kitab Suci Nasional di Indonesia.

Di Paroki Santo Yoseph, ia diadakan pada September 23-24 lalu di sebuah daerah dipanggil Banyuasin, Sumsel.

Sekitar 170 peserta dan 50 ahli jawatan kuasa Kem Alkitab menyertai program yang dianjurkan buat tahun kelima.

Kem Alkitab ini diasaskan oleh Msgr. Vinsensius Setiawan Triatmojo, (Uskup Keuskupan Tanjungkarang sekarang) yang ketika itu memegang jabatan Ketua Komisi Kateketik, Komisi Liturgi dan Komisi Kitab Suci Keuskupan Agung Palembang.

Semakin baca Kitab Suci, semakin dekat, semakin familiallah para belia dengan Tuhan.

Fr Agustinus Giman selaku ketua Komisi Kateketik Keuskupan Agung Palembang mengatakan, “Melalui Kem Alkitab, iman para remaja kepada Yesus dapat lebih bertumbuh.

Berita Belia Katolik dari luar negara

Kem Alkitab bawa pesan cinta kasih agung Yesus kepada umat manusia

“Mereka memiliki rasa persaudaraan dengan teman-temannya sebagai sebahagian dari komuniti remaja separoki.

“Kegiatan perkemahan ini menumpukan pengenalan, penghayatan dan pembacaan Alkitab yang dapat mendorong kaum muda mengerti kasih Tuhan yang menyelamatkan.

“Biasanya selepas Kem Alkitab, para peserta merasakan kelahiran semangat baharu, pertumbuhan iman dan berkarakter Kristus iaitu semakin mengasihi Tuhan serta bersaksi akan kasih Kristus kepada orang lain.”

Fr Agung dibantu oleh Sr Albertin, FCH, sebuah jawatankuasa pelaksana Kem Alkitab. Sr Albertine mengungkapkan ba-

hawa banyak perkara yang menyentuh hati dan sukacita semasa para peserta belajar bersama-sama tentang siapa diri mereka, bagaimana hubungannya dengan Yesus dan bagaimana hubungan mereka dengan sesama.

Sr Luisa, FSGM salah seorang Koordinator Kem Alkitab tak henti-hentinya bersyukur kepada Tuhan yang telah menyertai dalam persiapan sehinggalah tamat pelaksanaan Kem Alkitab.

“Dalam waktu dan tenaga yang sangat terbatas, banyak cara yang dilakukan Tuhan untuk menolong kami. Dengan semangat dan cinta yang ada, kami berasa tak ada hal yang terlalu sukar apabila Yesus menyertai,” tuturnya. — *hidupkatolik*

Sri Paus minta Mediterranean dijadikan laboratium perdamaian

MARSEILLE, Perancis: Mediterranean adalah “cermin dunia” dan “memiliki panggilan global untuk persaudaraan, satu-satunya cara untuk mencegah dan mengatasi konflik”.

Kata-kata ini adalah antara peneakan penting Sri Paus semasa sesi penutup Mesyuarat Mediterranean selama seminggu di Palais du Pharo di Marseille, yang dihadiri oleh Presiden Perancis, Emmanuel Macron.

Selama tujuh hari lebih 120 wakil Gereja dan kaum muda dari lima pantai Laut Mediterranean berkongsi cabaran politik, ekonomi dan alam sekitar semasa di rantau ini.

Mengimbas kembali watak kosmopolitan Marseille yang tersendiri, di mana penduduknya



Kaum muda hadir Mesyuarat Mediterranean di Marseille.

berbilang etnik dan budaya yang hebat”, mencerminkan banyak tamadun Mediterranean, Bapa Suci menyatakan tiga aspek yang mencirikan bandar selatan Perancis: laut, pelabuhan dan rumah api (*light house*).

Prelatus yang berada di Marseille pada September 22-23,

menyatakan bahawa jalinan konflik antara tamadun, agama dan visi yang berbeza, pernah dikatakan oleh orang-orang Roma pada ratusan dahulu sebagai *mare nostrum* (laut kita) kerana ia menjadi “tempat pertemuan antara agama Ibrahim; pertemuan antara pemikiran Yunani, Latin dan Arab;

pertemuan antara ahli-ahli sains, falsafah dan undang-undang.”

Sri Paus mengulangi kata-kata mendiang Datuk Bandar Florence Giorgio La Pira, yang mengilhami inisiatif Mesyuarat Mediterranean bahawa Mediterranean adalah “permulaan asas keamanan di antara semua negara di dunia”

seperti Laut Galilea, yang menjadi pertemuan orang-orang yang mempunyai pelbagai kepercayaan dan tradisi, untuk mendengar Sabda Bahagia Yesus. “Di tengah-tengah lautan konflik hari ini, kita berada di sini untuk meningkatkan sumbangan Mediterranean, supaya ia boleh kembali menjadi ‘laboratium’ atau makmal keamanan”.

“Kita perlu bermula sekali, mendengar tangisan tanpa suara daripada mereka yang paling lemah.”

Kepada kaum muda, prelatus itu mengatakan bahawa mereka adalah “cahaya yang menunjukkan jalan masa depan” di Mediterranean, dan Sri Paus menekankan kepentingan pendidikan untuk membantu mengatasi halangan dan mengatasi prangsaka. — *media Vatikan*

Pentahbisan empat paderi bawa harapan Gereja di Cambodia



Fr Damo Martin Chour, paderi Yesuit pertama dari Kamboja, ditahbis Ogos 19 dan tiga orang paderi Keuskupan tempatan ditahbis sebulan kemudian. (Gambar: Konferensi Yesuit Asia Pasifik)

PHNOM PENH: Penganut Katolik di Cambodia mengalu-alukan empat paderi orang asal baharu yang ditahbis dalam tempoh lebih kurang sebulan.

Menurut para pemimpin Gereja, ini adalah tanda harapan dan pertumbuhan Gereja kecil di negara majoriti Buddha.

Uskup Olivier Schmitthaeusler, Vikar Apostolik Phnom Penh, mentahbis tiga paderi keuskupan iaitu Rev. John the Baptist Vy Samnang, Rev. Anthony Thai Ratanak Bunly dan Rev. Poul Vin Kann pada September 23 di Katedral Sto Petrus dan Paulus, di Phnom Penh, demikian laporan agensi berita *Fides*.

Ratusan penganut Katolik dari seluruh negara menghadiri ritus pentahbisan yang diraikan dalam budaya tradisional, termasuk muzik dan pakaian.

Sebulan sebelum itu, seorang pemuda tempatan telah ditahbis sebagai paderi Yesuit pertama di Cambodia iaitu Fr Damo Martin Chour, pada Ogos 19 di Battambang oleh Uskup Schmitthaeusler, seorang misionari Perancis dari Serikat Misi Asing Paris (MEP).

Uskup Schmitthaeusler berkata pentahbisan paderi baharu menggambarkan keterbukaan komuniti Katolik Cambodia dan “tanda pertumbuhan dan harapan bagi Gereja Cambodia.”

“Komuniti Katolik yang meskipun

un kecil di sini adalah kekuatan kami untuk terus mewartakan Injil, untuk memberikan hidup kami kepada Tuhan dan masyarakat,” katanya.

Prelatus itu juga menyatakan bahawa ketiga-tiga paderi baharu itu merupakan buah dari institut Gereja tempatan — sekolah Don Bosco tempat mereka belajar dan Seminari Saint Jean Marie Vianney di Phnom Penh, pusat pembentukan menjadi paderi.

Para paderi yang baharu ditahbis berikrar untuk melayani dan berkhidmat kepada masyarakat dengan dedikasi.

“Hidup saya hari ini adalah untuk melayani Kristus dan untuk melayani Dia dalam masyarakat, di kalangan orang miskin dan penderitaan,” kata Fr Bunly, 30.

“Apabila saya berfikir tentang panggilan Tuhan, saya kagum betapa indahnya misteri dan kasih Tuhan. Saya bersyukur kepada-Nya,” kata Fr Poul Vin Kann, 31.

Fr John the Baptist Vy, satu-satunya anak lelaki dari keluarga Katolik, berkata dia diilhamkan untuk memeluk kehidupan religius dengan “berdoa dan melihat salib Kristus.”

Gereja Katolik di Cambodia memiliki sekitar 20,000 umat, 14 paderi tempatan dan sekitar 100 paderi misionari dan religius yang melayani di 80 buah paroki seluruh Cambodia. — *Ucanews.com*

Gereja, masyarakat perlu bekerjasama akhiri penderaan seksual kanak-kanak

VATIKAN: Bencana penderaan seksual kanak-kanak mesti ditangani oleh masyarakat pada umumnya, kata Sri Paus Fransiskus kepada kumpulan Katolik Amerika Latin yang terlibat dalam melatih paderi dan religius untuk perlindungan kanak-kanak di bawah umur.

“Penderaan seksual yang telah menjejaskan Gereja merupakan

realiti sedih yang melibatkan seluruh umat manusia tetapi agak diabaikan,” kata Sri Paus Fransiskus dalam ucapannya kepada delegasi “*Consejo Latinoamericano del Centro de Investigación y Formación para la Protección del Menor*” (Komisi Penyelidikan dan Latihan untuk Perlindungan Anak Bawah Umur Amerika Latin/ CEPROME).

Bapa Suci mengucapkan terima kasih kepada Komisi Amerika Latin atas usaha mereka yang merupakan salah satu sumbangan kepada kemajuan dalam menangani dan membasmi penderaan seksual kanak-kanak.

Sri Paus Fransiskus menyatakan bahawa “usaha ini juga penting bukan sahaja untuk Gereja tetapi masyarakat serta inspirasi bagi institusi lain bagi mempromosi budaya penjagaan ini.”

Pada akhir ucapannya, Sri Paus Fransiskus menjemput semua perwakilan untuk berdoa melalui perantaraan St. Thérèse dari Lisieux, agar mereka yang melakukan jenayah ini boleh bertobat.

Selepas konferensi CEPROME, beberapa hari kemudian, Komisi Kepausan Perlindungan Kanak-kanak Bawah Umur, menyeru perkara ini dibincangkan dengan serius semasa Perhimpunan Umum Sinode para Uskup ke-16.

— *media Vatikan*



Sri Paus Fransiskus beramah mesra dengan sebuah keluarga di Dataran Sto Petrus, Vatikan. Gambar: Ucanews.

Bapa Suci buat panggilan video kepada nenek berusia 95 tahun

TAKHTA SUCI: Sri Paus Fransiskus mengambil berat tentang kesihatan Puan Sosamma Antony, terutamanya selepas pertempurannya dengan COVID-19 pada tahun sebelumnya.

Pn Sosamma, 95, merupakan nenek kepada Msgr George Jacob Koovakad, yang selalu terlibat dalam menganjurkan kunjungan apostolik Sri Paus Fransiskus sejak 2021.

Oleh itu, pada awal September lalu, Bapa Suci memutuskan untuk menghubunginya secara peribadi melalui panggilan video.

Panggilan video itu diadakan dalam dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan Malayalam, bahasa utama di Kerala, India.



Bapa Suci Fransiskus dan Msgr George Jakob Koovakad

Semasa perbualan singkat mereka, Bapa Suci dan Pn. Sosamma bertukar-tukar jenaka, salam, dan berkat.

Rakaman perbualan yang menyentuh hati itu tular di pelbagai laman web tempatan, termasuk *Times of India*.

Dalam video itu, Fr Thomas Kallukalam, yang merupakan ketua komuniti Gereja Syro-Malabar,

menjawab panggilan itu bagi pihak Pn. Sosamma. Sri Paus Fransiskus memanggil mesra Pn. Sosamma sebagai “Mama” dan meminta untuk bercakap dengannya.

Panggilan video itu diakhiri dengan berkat dan ucapan terima kasih Sri Paus Fransiskus kepada Pn. Sosamma yang telah mendidik serta menyokong cucunya menjadi paderi. — *media Vatikan*

ANGELUS BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Tuhan tidak menunggu, Dia datang mencari kita

ROMA: Berucap kepada umat beriman yang berkumpul di Dataran Sto Petrus untuk Doa Angelus, September 24, Sri Paus Fransiskus menumpukan pesannya tentang kasih Tuhan yang tidak ada batasnya.

Diinspirasikan dari petikan Injil Matius, perumpamaan pekerja di ladang anggur, Sri Paus Fransiskus mengatakan keadilan Tuhan, melampaui tanggapan duniawi tentang keadilan.

Perumpamaan itu menceritakan kisah seorang pemilik kebun anggur yang mengupah buruh sepanjang hari, dari awal pagi hingga lewat petang, namun membayar mereka semua upah yang sama.

“Ini mungkin kelihatan seperti ketidakadilan tetapi perumpamaan itu tidak boleh dilihat melalui kaca mata upah; sebaliknya, ia bertujuan untuk mendedahkan kriteria Tuhan, di mana Dia tidak mengira jasa kita sebaliknya mengasihi kita sebagai anak-anak-Nya.”

Bapa Suci menekankan dua tindakan ilahi yang muncul daripada perumpamaan itu: panggilan berterusan Tuhan dan pampasan-Nya yang saksama. “Pertama, Tuhanlah yang keluar pada setiap masa untuk memanggil kami,” tegas Paus.

Perumpamaan itu menggambarkan bagaimana pemilik kebun anggur keluar berulang kali sepanjang hari untuk mencari pekerja.

Bapa Suci menyamakan ini dengan pengejaran tanpa jemu Tuhan terhadap manusia. “Tuhan tidak menunggu usaha kita untuk menghubungi kita; Dia tidak memeriksa jasa kita sebelum mencari kita,” kata Sri Paus Fransiskus.



Gambar file: Sri Paus Fransiskus bersama salah seorang Sister dari Kongregasi Missionary of Charity. Media Vatikan.

“Dia tidak berputus asa jika kita berlenang-lengah dalam menjawab. Sebaliknya, Dia telah mengambil inisiatif, pergi ke arah kita dalam Yesus, untuk menyatakan kasih-Nya. Dia mencari kita pada setiap masa sepanjang hari, mewakili pelbagai fasa dan musim kita hidup, walaupun sampai tua.”

Menonjolkan kasih Tuhan yang tidak terhingga dan komitmen-Nya yang tidak berbelah bahagi kepada manusia, Sri Paus Fransiskus menekankan bahawa, “Bagi hati Tuhan, ia tidak pernah terlambat; Dia mencari kita dan menunggu kita sentiasa.”

Bapa Suci kemudian menekankan pesan utama perumpamaan itu: keadilan

Tuhan, yang melampaui pemahaman manusia. “Pekerja jam terakhir dibayar sama seperti pekerja jam pertama kerana, pada hakikatnya, keadilan Tuhan lebih tinggi,” jelasnya.

Bagi manusia, keadilan ditentukan dengan cara “memberi setiap orang yang berhak, menurut jasa mereka,” manakala keadilan Tuhan tidak mengukur kasih sayang pada skala pencapaian, prestasi, atau kegagalan kita.

“Tuhan mengasihi kita semata-mata kerana kita adalah anak-anak-Nya, dengan kasih sayang tanpa syarat dan berlimpah,” ujar Sri Paus Fransiskus. — *media Vatikan*

Santapan untuk rohani kita

Salib itu berat tetapi ia bukan malapetaka

Mendiang Sri Paus Benediktus XVI, mengatakan, “dengan melihat salib kita melihat Tuhan lebih kuat.”

Kita mungkin cenderung untuk menganggap “salib” sebagai kesusahan, kesukaran, penderitaan, kesengsaraan, kegusaran, masa untuk penyangkalan diri.

Tetapi sebenarnya, “salib” membawa banyak maksud lain.

Mari mengingat kembali peristiwa Petrus yang mengakui Yesus adalah Sang Mesias, Anak Tuhan yang diutus untuk menyelamatkan manusia.

Tetapi kemudiannya, ketika Petrus berasa risau akan keselamatan Yesus ketika Yesus memberitahu penderitaan yang akan

Dia alami: Yesus berpaling dan berkata kepadanya, “Enyahlah Iblis. Engkau suatu batu sandungan bagi-Ku, sebab engkau bukan memikirkan apa yang difikirkan Tuhan, melainkan apa yang difikirkan manusia” (Mat 16:23).

Tentu Petrus berasa sangat teruk kerana dia baharu sahaja dipanggil “Syaitan”! Tetapi kesengsaraan salib, kesunyian dan penderitaan itulah yang Yesus mahu Petrus pikul dalam penyangkalan diri sebagai salibnya.

Yesus memerintahkan Petrus: Pikullah salibmu SEKARANG!

Mendiang Sri Paus Benediktus XVI menjelaskan, “Walaupun ‘salib’ mungkin berat, ia tidak sinonim dengan kemalangan,

aib, malapetaka atau sesuatu yang harus dielakkan; sebaliknya ia adalah peluang untuk mengikut Yesus dan dengan itu memperoleh kekuatan dalam menangkis dosa dan kejahatan.

Untuk bersatu dengan Yesus, kita harus memikul salib bermakna kita melawan kejahatan sebenar yang tercetus apabila kita berfikir dan hidup di luar Yesus. Untuk memikul salib kita menolak untuk menyerah kepada perasaan malu, rasa bersalah, kebencian diri kita.

Kenapa harus memikul salib dan menyangkal diri? Memikul salib kerana tanpa Yesus, kita adalah lemah. Menyangkal diri, kerana kita mungkin akan jatuh ke dalam perangkap bahawa, “kita seorang yang baik, tidak ada dosa, tidak pernah membuat kesalahan besar ...”

Salib adalah melucutkan senjata diri kita sendiri: keangkuhan, kelalaian, kemarahan, dendam dengan menyerahkan diri kita kepada Tuhan.

Dengan kasih yang sangat berkobar-kobar ketika kita memikul salib, berjuang melawan dosa, keangkuhan diri, dendam, berusaha mengampuni, ini adalah kemenangan.

Dan kemudian Tuhan akan berkata kepada kita, “Marilah, anakku yang dikasihi. Kamu telah bekerja keras untuk Aku. Sekarang Aku akan memberikan kamu kelegaan dan akan memimpin kamu ke pesta perkahwinan kehidupan yang kekal!” — *Aleteia*



PENULIS BERKICAU

Berjalan bersama ke rumah Bapa

Kira-kira 15 tahun lalu, berlaku migrasi atau penghijrahan besar penduduk Malaysia Timur ke Semenanjung. Kebanyakannya desakan untuk memperbaiki kualiti hidup atau ada menyambung pengajian.

Ketika itu juga, kehadiran para penduduk Malaysia Timur ini juga membawa 'warna' baharu pada Gereja di Semenanjung.

Dari segi kebaikan, mereka telah membawa perayaan tradisi dari tanah kelahiran untuk diraikan di Gereja-gereja Katolik di semenanjung pada setiap tahun dan mewujudkan sebuah perkumpulan umat berbahasa Malaysia. Malah beberapa kongregasi religius dari Sabah dan Sarawak turut menghantar para Sister bagi membantu pemantapan iman para umat dari Malaysia Timur.

Kebanyakan penghijrah tidak kembali lagi ke tempat asal. Mereka mula bermastautin di tempat baharu.

Ironinya, ‘kehilangan’ sebahagian besar tenaga muda, memberi peluang kepada penghijrah dan pendatang dari negara lain untuk berkerja di bidang-bidang yang ditinggalkan oleh penduduk asal.

Pekerja migran ini telah membantu ekonomi negara kerana mereka berani menceburi bidang kerja yang dikategorikan sebagai kerja 3D (*Dangerous, Dirty, Difficult*).

Dan paling ketara kini, Gereja lokal dipenuhi dengan warga emas dan umat migran. Contohnya Gereja di tempat saya melayani, kehadiran umat migran semakin ramai dan disebabkan ramai anak muda sudah berhijrah, ramai di antara mereka mula mengambil alih pelayanan Liturgi.

Ini bukan sesuatu yang tidak sihat. Cuma agak terkilan, pertama, masih ramai penduduk tempatan yang berpandangan negatif terhadap golongan pendatang.

Kedua, saya agak terkilan dengan sikap sege-lintir penduduk asal Malaysia Timur khususnya Katolik yang berhijrah umpama kacang lupakan kulit. Kebanyakan Gereja yang mereka tinggalkan memerlukan pembaikan. Tetapi bantuan dari segi kewangan dan doa jarang dipedulikan.

Ketiga, lambakan warga asing bukan sahaja di bandar-bandar besar tetapi juga di pekan-pekan kecil. Mereka membuka kedai-kedai perabot, runcit, restoran malah kehadiran penjual warga asing di pasar-pasar tani juga semakin ketara sehingga saya berfikir, mengapa mudah sekali mereka mendapat permit atau lesen?

Keempat, lambakan sampah dan perumahan haram. Perkara ini semakin menjadi isu kritikal apabila dahulunya hanya beberapa rumah sahaja yang dibina warga asing ini, namun ia semakin bertambah, padat dan boleh dikategorikan sebagai perkampungan warga asing.

Dan bukannya menuduh, tetapi memang realiti, di mana ada perumahan haram, di situlah lambakan sampah!

Masalah kedatangan migrasi memang berjela. Tetapi berbalik kepada pesan Sri Paus Fransiskus, di atas segalanya, “hak untuk berhijrah adalah hak asasi manusia.

Bersama mereka, bersama seluruh umat Tuhan, kita sama-sama menempuh jalan menuju “tempat kediaman Tuhan!”

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Perhimpunan Katekis Sabah kali kedua

Katekis penyampai kebenaran iman

KOTA KINABALU: Kegiatan Kateketikal merupakan salah satu ruang dan peluang paling baik untuk memainkan peranan sebagai *Missionary Disciple*, kata Uskup Agung John Wong semasa memimpin perayaan Ekaristi pembukaan Perhimpunan Kateketikal Sabah kali kedua (PKS2) pada Sept 15-17 di Dewan Katedral Sacred Heart.

Seramai 820 orang peserta daripada tiga keuskupan/agung dan beberapa peserta dari Keuskupan Agung Kuala Lumpur dan Kuching telah hadir ke perhimpunan yang bertema, “Katekis Berjalan Bersama dalam Iman, Harapan dan Kasih.”

Sr Dariah Ajap, FSIC semasa menyampaikan ucapan mengatakan sebelum PKS-2, ketiga-tiga Komisi Kateketikal Sabah telah menjalankan “Jelajah PKS2” dalam semangat Gereja Sinodal sambil memperkenalkan persiapan perjalanan menuju ke Konvensi Pastoral Malaysia 2026 (MPC).

Tiga orang uskup/agung iaitu Uskup Agung John Wong dari Kota Kinabalu, Uskup Cornelius Piong dari Keningau dan Uskup Julius Dusin Gitom dari Sandakan,



turut menyampaikan sesi sempena perhimpunan tersebut.

Uskup Agung John menyampaikan katekesis bertajuk, “Berjalan Bersama Kristus dengan Mendengarkan Roh Kudus,” manakala Uskup Cornelius berbicara tentang, “Katekis: Saksi, Harapan dan Kasih” dan Uskup Julius mengendalikan sesi, “Katekis: Penyampai Kebenaran iman”.

Hari kedua diakhiri dengan perarakan statue Bunda Maria yang diketuai oleh

Msgr. Nicholas Stephen yang kemudiannya diteruskan dengan Adorasi sebagai penutup perarakan.

Pada hari ketiga, sebelum Misa Kudus penutup, diadakan Forum bersama Uskup Cornelius Piong, Uskup Julius Dusin Gitom, Msgr. Nicholas Stephen dan Fr Boniface Kimsin. Para penalis ini menjawab pelbagai persoalan daripada peserta yang bertanya tentang identiti Katekis Pembimbing, bagaimana mengendalikan isu-isu iman dan tentang metod pengaja-

ran Sekolah Minggu.

Semasa Misa Kudus penutup, diumumkan tuan rumah Perhimpunan Katekis Sabah kali ketiga ialah Keuskupan Sandakan.

Melalui maklum balas peserta, ramai yang teruja kerana dapat mendengar katekesis daripada tiga orang Uskup/Agung Sabah serta dapat menimba pengalaman dengan para Katekis Pembimbing lain bagi memantapkan lagi kaedah penyampaian katekesis untuk Sekolah Minggu dan Penguatan. — *Aveil Olga*



Uskup Pulau Pinang tahbis empat diakon tetap

Dari kiri: Diakon Richard Wilson, Diakon Dave Kameron, calon Kardinal Sebastian Francis (kini Kardinal), Diakon Andrew Loh dan Diakon Paul Kang.

BUKIT MERTA JAM, Pulau Pinang: Dengan tema, “Ini aku, utuslah aku (Yesaya 6:9)”, Keuskupan Pulau Pinang mengalukan empat orang diakon tetap Andrew Loh Su Aun, Devakumaran S Narayanasamy @ Dave Kameron, Paul Kang Hian Beng, dan Richard Wilson pada September 17 di Basilika Kecil Sta Anna.

Bakal Kardinal Sebastian Francis (kini Kardinal) dalam homilinya menekankan kepentingan diakonat dan kesucian tanggungjawab yang ditanggung oleh mereka.

Dalam khutbahnya, prelatus itu menekankan aspek-aspek penting diakonat. Beliau menjelaskan bahawa dengan karunia Roh Kudus, setiap diakon yang ditahbiskan akan melibatkan diri dalam tiga pelayanan penting: pelayanan Firman, pelayanan altar dan pelayanan amal.

“Sebagai pelayan mezbah atau altar mereka akan memberitakan Injil, menyedikan korban, dan membahagikan Tubuh dan Darah Tuhan kepada umat beriman.”

Calon Kardinal Sebastian kemudiannya menyatakan tentang pelbagai peranan yang akan dilaksanakan oleh diakon iaitu melayani umat beriman dan orang-orang

yang tidak percaya secara saksama, untuk mengajar mereka dalam doktrin suci, memimpin doa umum, mengurus Pembaptisan, membantu, dan memberkati perkahwinan, membawa *Viaticum* kepada orang yang nazak dan menjalankan upacara pengubuman.

“Setiap tugas menandakan komitmen mereka yang tidak berbelah bahagi untuk melayani Gereja dan komuniti yang lebih luas.”

Prelatus itu juga berbicara mengenai peranan diakon sebagai seorang hamba. Katanya, apabila ditahbiskan melalui ritual tradisi penumpangan tangan, diakon menjadi lebih terikat dengan pelayanan altar.

Dengan mandat ini, seorang diakon tetap akan melakukan kerja-kerja amal atas nama uskup, memperlihatkan semangat seorang murid Yesus Kristus yang sejati.

Kepada empat orang diakon tetap baharu itu, calon Kardinal Sebastian menggesa mereka untuk menjalankan tugas dengan cara yang akan membuat mereka dikenali dan dilihat sebagai pengikut Yesus, yang datang “bukan untuk dilayani tetapi untuk melayani”.

17 tahun menanti SHBDR kembali di SFA

CHERAS: “Diperbaharui, Berubah dan Berbuah” adalah tema bagi Seminar Hidup Baru Dalam Roh (SHBDR) untuk julung kalinya diadakan selepas 17 tahun penantian dan kerinduan bagi Kerasulan Umat Bahasa Malaysia (KUBM) Gereja St. Francis of Assisi Cheras (SFA).

SHBDR ini yang dikendalikan sepenuhnya oleh Komisi Persekutuan Doa Kelompok Karismatik (PDKK) KUBM SFA dengan Kerjasama *Catholic Charismatic Renewal* (CCR) paroki SFA.

Seramai 210 peserta menyertai SHBDR yang dikendalikan oleh Fr. Valentine Gompok OFM Cap, custos Malaysia Singapore dan Sdra Joseph Masri dari Keuskupan Agung Jakarta pada September 15-17 lalu.

Pada hari pertama, Sdra Joseph menyampaikan sesi “Cinta Kasih Tuhan” yang mengingatkan bahawa dosa adalah penghalang utama dalam menerima kasih dan karunia Tuhan.

Ini disusuli dengan sesi perkongsian dalam kumpulan.

Pada hari kedua, selepas sesi pujian dan penyembahan, Fr Valentine menyampaikan sesi “Penyelamatan”.

Pada sebelah malam, sebelum sesi upacara “Kuasa Salib yang Menyelamatkan” semua peserta terlebih dahulu melakukan Sakramen Pengakuan.

Sesi “Kuasa Salib yang Menyelamatkan” menyaksikan para peserta diagihkan mengikuti beberapa barisan, dan sukarelawan SHBDR mengutus para peserta dengan memikul salib dalam keadaan berlutut menuju ke hadapan dewan.

Mereka disambut dan didakap oleh Father, beberapa Brother Kapusin dan suka-



17 tahun menanti, akhirnya SHBDR kembali ke SFA.

relawan yang dilantik oleh pihak penganjur. Ini sebagai lambang Tuhan Yesus yang setia menanti dengan penuh kasih.

Sesi Kemuncak SHBDR, “Pencurahan Roh Kudus dan Penumpangan Tangan” diadakan pada hari terakhir.

Semasa Misa penutup SHBDR, Fr Valentine dalam homilinya sangat mengharapkan agar semangat, karunia dan jamaahan Roh Kudus yang diterima semasa SHBDR dapat dihidupi di mana mereka berada.

Salah seorang peserta mengongsikan, SHBDR telah menyedarkannya dari kesilapan yang menyebabkan anaknya menderita.

SHBDR telah mendorongnya untuk memohon pengampunan dan kini beliau merasakan damai dan sukacita yang tidak terperi! — *Fred Jerome*